

SOALAN NO.: 11

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' SRI ABDUL MANAN BIN ISMAIL**  
**[PAYA BESAR]**  
**TARIKH : 30 OKTOBER 2017**  
**SOALAN : 11**

**YB Dato' Sri Abdul Manan Bin Ismail [Paya Besar]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian telah mengenal pasti klinik pergigian Kerajaan yang kekurangan tenaga doktor pergigian serta menyebabkan bebanan tugas yang melampau dan tindakan Kementerian dalam menempatkan lebih ramai doktor pergigian di kawasan yang memerlukan khususnya di kawasan pedalaman.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) amat prihatin dan sentiasa menambah baik akses rakyat kepada perkhidmatan kesihatan pergigian di seluruh negara. Tanpa tahap kesihatan pergigian yang baik, kesihatan am rakyat akan terganggu. Bagi memastikan akses rakyat kepada perkhidmatan kesihatan pergigian, Kementerian Kesihatan

9

Malaysia sentiasa memastikan Pegawai Pergigian ditempatkan di semua klinik pergigian termasuk di kawasan pendalaman.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sehingga Ogos 2017, terdapat 4,510 orang Pegawai Pergigian di Kementerian Kesihatan Malaysia dan mereka telah ditempatkan di 710 buah klinik pergigian seluruh negara. Pada masa yang sama, Kementerian akan sentiasa memastikan kesihatan pergigian di kawasan pendalaman bertambah baik dengan pelaksanaan strategi-strategi yang telah disediakan untuk meningkatkan kualiti kesihatan pergigian mereka.